

# Inovasi UPM diiktiraf di MTE

**KUALA LUMPUR** – Universiti Putra Malaysia (UPM) membawa pulang tiga emas, tiga Anugerah Khas dalam pameran Malaysia Technology Expo (MTE) 2013, di PWTC baru-baru ini.

UPM memenangi satu pingat emas, sembilan perak dan sembilan gangsa dalam kategori Invention & Innovation Awards dan dua pingat emas, tiga gangsa dan tiga Anugerah Khas dalam kategori International Design Awards (MIDEAS) pada pertandingan tahunan untuk saintis dan penyelidik nasional mempamerkan reka cipta masing-masing.

Tiga Anugerah Khas yang dimenangi ialah Foreign Special Award-Japan Intellectual Property Association (Jipa), The Best Awards dan Special Award with Compliment from Panel Jury.

Emas UPM disumbangkan oleh Dr Ali Dehghantaha dari Fakulti Sains Computer dan Teknologi Maklumat dengan produk Pervasive Cyber-Security Education System (PCSES) iaitu sistem untuk membimbing pengguna tentang bahan-bahan keselamatan aplikasi web untuk persekitaran yang terkawal, di mana pengguna boleh mengalami keadaan sebenar dunia siber.

Selain beliau, Dr Zulkifli Muslim dari Fakulti Rekabentuk dan Senibina meraih pingat emas serta dua Anugerah Khas iaitu The Best Awards dan JIPA untuk Best Design Award. Produknya Transformation Design of Decoration Tiles Based on Tropical Plant Images mengenai proses reka bentuk berkonsepkan tumbuhan hidup untuk pembuatan jubin, perabot dan bangunan.

Manakala pingat emas ketiga iaitu inovasi Congrex Public Bench dari Dr Ahmad Rizal Abdul Rahman dari Fakulti Rekabentuk dan Senibina turut memenangi Anugerah Khas Special Award with Compliment from Panel Jury.

Congrex Public Bench ialah perabot mesra taman daripada kayu getah atau kayu tempatan untuk dijadikan sebagai tempat duduk yang fleksibel.

Selain itu, UPM juga membawa pulang sembilan perak, 12 pingat gangsa dan meraih tempat ketiga kategori Booth Award.

Pameran tahunan anjuran Malaysian Association of Research Scientists (MARS) dan PROTEMP Exhibition Sdn Bhd ini mendapat kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti).

Ia disertai 28 pempamer daripada agensi penyelidikan dalam dan luar negara, IPTA, IPTS dan pelajar sekolah.



**Dr Zulkifli (kanan) bersama seorang lagi pensyarah yang mendapat pengiktirafan hasil penyelidikan mereka.**